

**Lindungi ancaman pengganas
Utusan Online
18 April, 2012**

KUALA LUMPUR 17 April - Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012 yang akan melengkapikan Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

Ia diluluskan selepas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz (gambar) selesai berucap menggulung perbahasan mengenai pindaan tersebut.

Jelas beliau, Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 hanya memperuntukkan langkah-langkah khas untuk menangani kesalahan keselamatan dan tidak membuat peruntukan mengenai jenis kesalahan yang menjadi kesalahan keselamatan.

Justeru katanya, bagi mengelakkan wujudnya lompong dari segi jenis kesalahan, Kanun Keseksaan dipinda dalam mewujudkan kesalahan baru untuk menangani ancaman pengganas, sabotaj, pengintipan dan aktiviti yang menjejaskan demokrasi berparlimen.

"Di samping itu, pindaan tersebut akan mewujudkan bab baru berkenaan jenayah terancang bagi menangani kesan perungkaan Proklamasi Darurat 1969 iaitu apabila luputnya Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 yang diguna pakai bagi menangani jenayah terancang.

"Oleh itu, bagi maksud melindungi keselamatan negara dan ketenteraman awam dengan lebih efektif, Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012 memperuntukkan secara amnya tiga kategori kesalahan substantif," katanya ketika menggulung perbahasan rang undang-undang itu di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut Mohamed Nazri, sehubungan itu juga beberapa takrif penting telah dimasukkan untuk menjelaskan kesalahan-kesalahan tersebut takrif 'aktiviti yang menjejaskan demokrasi berparlimen'; 'dokumen dan penerbitan yang menjejaskan demokrasi berparlimen'; 'pengintipan'; 'perkhidmatan perlu'; 'penerbitan'; 'sabotaj' dan 'maklumat sensitif'.

Kata beliau, kebanyakan kesalahan di bawah Bab VI kanun itu menyentuh kesalahan yang menjejaskan demokrasi berparlimen dan ungkapan itu telah diguna pakai dalam undang-undang United Kingdom (UK) iaitu Security Service Act 1989.

Oleh yang demikian ujarinya, ungkapan 'detrimental to parliamentary democracy' bukan merupakan suatu ungkapan yang digunakan bagi menghukum kesalahan politik sebaliknya ungkapan tersebut telah dipilih kerana ia merupakan ungkapan yang amat menyeluruh dan merangkumi semua aspek demokrasi berparlimen

"Demokrasi berparlimen mempunyai maksud yang luas. Perkataan demokrasi itu sendiri membawa maksud pemerintahan oleh rakyat atau wakil yang dipilih dalam pilihan raya manakala demokrasi berparlimen merupakan pemerintahan demokrasi yang dijalankan secara perwakilan.

"Jika demokrasi berparlimen digulingkan atau dilemahkan dengan cara ganas atau tidak berlandaskan Perlembagaan kerajaan yang akan dibentuk tidak lagi merupakan kerajaan yang dipilih melalui peti undi," katanya.

Sebelum itu, Mohamed Nazri ketika sesi penggulungan berkata, "Malaysia tidak mampu menunggu sehingga Menara Berkembar Petronas diletupkan barulah rang undang-undang tersebut digubal.

"Kita harus belajar daripada pengalaman Amerika Syarikat kerana mereka hanya menggubal undang-undang yang tegas selepas tragedi 11 September 2001," katanya.

Kata beliau, sepanjang tempoh penguatkuasaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 52 tahun sejak 1960 sehingga April tahun ini, seramai 10,883 orang telah ditahan di bawah Seksyen 8(1) ISA manakala 4,461 orang di bawah perintah tahanan.

Tangkapan dan tahanan di bawah ISA itu, jelasnya, meliputi kumpulan yang terlibat dalam kegiatan berikut:

n Pelampau agama contohnya al-Arqam.

n Kumpulan militan contohnya al-Maunah, Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dan Daulat Islamiah (DI).

n Penyeludupan migran

n Pemalsuan wang syiling.

Jelas beliau, buat masa ini militan yang dikenakan perintah tahanan adalah seramai 14 orang.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0418&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_01.htm